



ISBN : 978-967-0582-32-0

Cabaran Pekerjaan dan Kesan Kepada Kesejahteraan Hidup OKU Penglihatan Yang Berkeluarga di Sabah

Peter Voo & Ferlis Bin Bullare@Bahari
Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

ABSTRAK

Kajian kualitatif ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran yang di hadapi oleh OKU penglihatan dalam mendapatkan peluang pekerjaan untuk menyara hidup keluarga mereka. Kesulitan dan halangan yang di hadapi semasa di alam pekerjaan ini boleh memberi kesan kepada kesejahteraan hidup OKU penglihatan terutama mereka yang berkeluarga. Dalam kajian ini seramai 5 orang responden dipilih secara persampelan bertujuan. Mereka terdiri daripada OKU penglihatan yang sudah berkeluarga serta baru memulakan pekerjaan dan sudi untuk ditemubual secara sukarela dalam kajian ini. Hasil kajian yang diperolehi memaparkan keadaan yang boleh mempengaruhi peluang kerja OKU penglihatan dan kesan ke atas kesejahteraan hidup mereka. Antara aspek cabaran yang dihadapi OKU penglihatan adalah mereka berkeluarga dan mempunyai tanggungan, cabaran pengangkutan, kemudahan tempat tinggal dan cabaran sikap prejudis terhadap mereka.

Kata Kunci: Cabaran, OKU Penglihatan, Pekerjaan

Pembentang:

Peter Voo

Sesi :

2.30 – 4.30 Ptg

BS 3



PENDAHULUAN

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk meneroka cabaran yang di hadapi oleh OKU penglihatan dalam mendapatkan peluang pekerjaan untuk menyara hidup keluarga mereka serta halangan yang wujud. Melalui kajian ini pengkaji ingin mengetahui lebih mendalam serta memahami keperluan yang boleh meningkatkan dan memperkasakan golongan OKU penglihatan ini agar peluang pekerjaan masih terbuka kepada mereka.

Peluang pekerjaan untuk OKU penglihatan menjadi tumpuan kajian, memandangkan pada masa ini peluang pekerjaan untuk semua orang adalah amat terhad dan ini ditambah lagi dengan kemasukan tenaga buruh luar negara, mengakibatkan peluang pekerjaan semakin kurang lebih-lebih lagi kepada golongan kurang upaya. Pekerjaan memang sangat penting dalam kehidupan masa ini, dan ini tidak terkecuali juga orang kurang upaya. Namun, sehingga hari ini masih terdapat segelintir masyarakat yang tidak yakin dengan keupayaan golongan OKU bekerja. Akibatnya golongan OKU masih lagi bergantung kepada bantuan kerajaan dan swasta serta bantuan daripada keluarga untuk menyara kehidupan. Perkara begini bukan sahaja berlaku di negara kita malahan ianya juga berlaku diluar negara.

Pemilihan kerjaya adalah perkara penting bagi seseorang individu. Pemilihan kerjaya yang tepat dapat menentukan corak kehidupan serta taraf hidup seseorang. Golongan OKU juga memerlukan pekerjaan dan faedah daripada pekerjaan sama seperti orang lain bagi memenuhi keperluan dalam kehidupan mereka. Namun begitu, terdapat pandangan dan sikap prejudis sesetengah masyarakat berkaitan golongan OKU dan menyebabkan mereka dilayan seperti golongan kelas kedua Sarkees & Scott (1986) dalam Ariffin (2006). Menurut kajian yang dijalankan oleh Heward (2000) dalam Ariffin (2006), mendapati 50 peratus hingga 70 peratus golongan OKU yang tidak mempunyai pekerjaan dan ada di kalangan mereka yang menerima pendapatan yang minimum. Perkara ini berkait rapat dengan sikap sesetengah golongan masyarakat yang menunjukkan sikap prejudis dengan keupayaan golongan OKU untuk bekerja dan ketiadaan kemahiran yang diperlukan bagi bersaing dalam pasaran kerja.

Berdasarkan perkembangan kerjaya individu kurang upaya menurut Curnow (1989) dalam Ariffin (2006), golongan ini mempunyai ciri seperti kemahiran kerja yang terhad, pendapatan yang kurang, kurang pekerjaan dan tiada kerja. Malah pelajar kurang upaya juga meninggalkan alam persekolahan tanpa kemahiran yang dapat digunakan bagi menjawat pekerjaan yang sesuai. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak berupaya hendak berdikari.

Walaupun secara umumnya, sikap masyarakat pada OKU adalah positif namun pihak majikan masih keberatan hendak mengambil OKU bekerja dengan mereka. Sikap majikan pada OKU belum lagi terbuka dan belum bersedia memberi peluang bagi mendapatkan kerja ditempat mereka. Keenganan majikan itu berpunca daripada beberapa faktor seperti pekerja kurang upaya memerlukan banyak cuti sakit, kadar insuran yang tinggi, keselamatan di tempat kerja terganggu, memerlukan kemudahan khas dan mungkin beberapa perubahan terpaksa dilakukan di tempat kerja bagi menjamin keselamatan pekerja kurang upaya. Jadi, ini akan melibatkan perbelanjaan yang tinggi jika majikan mengambil mereka.

Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk meneroka dan mengetahui persepsi atau pandangan oleh golongan OKU penglihatan mengenai halangan dan rintangan yang utama bagi mendapatkan pekerjaan.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes di pilih untuk mendapatkan data yang diperlukan bagi menjawab persoalan kajian. Menurut Stake (2000), kajian kes bukan merupakan pilihan ke atas metodologi tetapi pilihan ke atas apa yang hendak dikaji oleh penyelidik. Ini bermaksud seseorang penyelidik itu boleh mengkaji sesuatu kes dengan apa sahaja metod yang sesuai sama ada pendekatan kualitatif mahupun pendekatan kuantitatif. Menurut Strauss dan Corbin (1990) dalam Neuman, (1997), pendekatan kajian kualitatif adalah menggunakan set prosedur yang sistematik. Kajian berbentuk kualitatif adalah terbuka untuk dinilai atau dijangkakan dan ianya adalah sentiasa bersedia berubah dengan fokus atau sesuatu kajian itu.

Sampel dan Tempat Kajian

Pada kebiasaannya saiz sampel dalam method kualitatif adalah tidak ramai seperti method kuantitatif. Pemilihan informan atau sampel biasanya adalah berdasarkan kepada faktor batasan masa, kewangan dan sumber-sumber yang ada. Menurut Bernard (2000), sampel *purposive* diperolehi daripada hasil pertimbangan pengkaji terhadap jenis atau ciri-ciri sampel yang ingin diperolehi bagi memenuhi kehendak atau tujuan penyelidikan. Teknik *purposive* dalam kajian ini melibatkan pemilihan responden yang mengalami masalah penglihatan. Mereka terdiri daripada OKU penglihatan yang sudah berkeluarga serta baru memulakan pekerjaan dan sudi untuk di temubual secara sukarela dalam kajian ini. Justeru itu dalam kajian ini, sampel berbentuk *purposive* yang dipilih adalah merupakan OKU penglihatan yang belum mendapat pekerjaan di sekitar daerah Sandakan, Sabah. Mereka ini juga adalah terdiri daripada OKU penglihatan yang telah menamatkan kursus di Pusat Latihan Kemahiran Bagi Orang Buta Taman Cahaya, Sandakan, namun belum mendapat sebarang pekerjaan. Pengkaji telah bekerjasama dengan pegawai penempatan kerja di pusat latihan tersebut untuk mendapatkan sampel yang belum mendapatkan pekerjaan untuk ditemu bual. Untuk itu dalam kajian ini, sejumlah 5 orang responden berkeluarga telah sudi dirakam temu bual untuk terlibat dalam kajian ini.

Prosedur Kajian

Dalam penyelidikan kualitatif, pengkaji boleh menggunakan teknik-teknik pengumpulan data seperti temubual secara mendalam, pemerhatian, melalui sumber dokumen dan rekod atau artifak. Namun dalam kajian ini, data utama adalah merupakan data primer hasil temubual secara mendalam dan bersemuka dengan sampel. Data primer dalam kajian ini ialah melalui teknik temu bual mendalam, tujuan utama temu bual adalah untuk mendapatkan maklumat yang khusus. Mengikut Patton (1990) dalam Lebar (2006), penyelidik hendak mengetahui apa yang terdapat dalam minda seseorang. Temu bual perlu apabila kita tidak boleh memerhati perlakuan, perasaan atau bagaimana manusia mentafsir dunia sekeliling mereka, juga apabila kita berminat untuk mengetahui peristiwa lalu yang sukar untuk ditiru semula. Temu bual boleh digunakan dalam kajian kes yang mengkaji hanya beberapa individu yang terpilih ataupun boleh digunakan dalam kajian yang memerlukan pengumpulan data daripada sampel yang besar.

Pengkaji juga memilih untuk menggunakan temu bual semi berstruktur, pada asasnya temu bual semi berstruktur menggabungkan ciri-ciri fleksibiliti temu bual terbuka atau tidak berstruktur dengan ciri-ciri mengarah dan seragam temu bual berstruktur. Biasanya soalan-soalan dalam temu bual semi berstruktur ditentukan terlebih dahulu tetapi jawapan kepada soalan-soalan tersebut adalah terbuka, boleh dikembangkan mengikut budi bicara penemu bual dan partisipan. Bagi Schensul, S.L., Schensul, J.J. & LeCompte, M.D. (1999), temu bual semi berstruktur adalah yang terbaik untuk meneroka dan menjelaskan faktor-faktor dan subfaktor-subfaktor.

Analisis Data

Dalam kajian kualitatif, analisis data merupakan proses yang berterusan dari permulaan kajian. Ini membolehkan reka bentuk kajian kualitatif berkembang dan memberi hala tuju kepada pengumpulan data seterusnya (Patton, 1990). Justeru itu data kualitatif yang telah dikumpulkan dianalisis sebagai

satu aktiviti yang serentak dengan pengumpulan data, interpretasi data dan penulisan laporan naratif. Pendekatan analisis kandungan digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis teks secara sistematik. Transkrip temu bual kemudian dianalisis kandungannya dan pengkaji telah mengira kekerapan perkataan-perkataan atau tema-tema yang timbul daripada teks dan menjalankan analisis kekerapan tersebut. Menurut Merriam (2001), memberi makna kepada data melibatkan cantuman pelbagai data, pengelasan data mengikut kategori atau tema yang sesuai dan tepat, interpretasi tentang apa yang manusia kata dan apa yang pengkaji lihat dan baca.

Tema-tema atau isu-isu umum dikenalpasti dan pengkategorian dibuat. Setiap tema atau isu serta peristiwa-peristiwa penting dikaji untuk melihat bagaimana responden menghadapi kesulitan dalam mendapatkan pekerjaan. Perbezaan pengalaman di antara responden juga turut dibandingkan. Data-data kualitatif yang relevan dengan apa yang telah dikaji, dipilih dan telah dibincangkan untuk menjawab objektif-objektif kajian. Dengan itu, maklumat-maklumat yang ingin dikaji diklasifikasikan terlebih dahulu kepada beberapa kategori tertentu dan dianalisis secara analisis kandungan (*content analysis*). Maklumat yang diperolehi melalui kaedah ini disampaikan secara naratif bagi menyokong maklumat yang telah diperolehi daripada soal selidik. Persepsi sebenar responden dalam kajian ini diambilkira dengan memasukkan dialog-dialog yang diperolehi melalui temubual mendalam tentang aspek-aspek yang ingin dikaji ke dalam perbincangan.

Hasil analisis di interpretasi secara merentas data untuk melihat kategori-kategori dan tema-tema yang boleh dikelompokkan topiknyanya dan berkaitan antara satu sama lain. Proses ini hanya berhenti pada tahap ketepuan kategori (*saturation of categories*) iaitu tidak ada lagi kategori baru yang boleh dibentuk. Akhir sekali, hasil kajian telah ditulis dalam bentuk naratif bagi memaparkan keratan teks secara verbatim daripada data sebenar.

HASIL KAJIAN

Hasil penemuan kajian dimulakan dengan maklumat lima (5) orang responden yang telah menyertai kajian ini. Maklumat ini merangkumi sedikit latarbelakang demografi responden secara ringkas seperti bangsa, data lain termasuk umur dan jantina setiap responden yang menyertai kajian ini. Hasil kajian juga melaporkan rintangan dan halangan yang dihadapi semasa hendak memohon pekerjaan.

Jadual 1 Maklumat Latarbelakang Responden

Responden	Demografi Responden
R1	Berumur 49 tahun dan sudah berumahtangga. Mengikuti kursus kemahiran mengurut dan kraftangan.
R2	Berumur 34 tahun dan sudah berumahtangga. Mengikuti kursus kemahiran pertanian, penternakan dan kraftangan.
R3	Berumur 35 tahun dan telah berumahtangga. Mengikuti kursus kemahiran mengurut.

- R4 Berumur 32 tahun dan telah berumahtangga. Mengikuti kursus pertanian dan kraftangan.
- R5 Berumur 47 tahun dan sudah berumahtangga. Mengikuti kursus kraftangan, menjahit dan masakan.
-

Walaupun peluang pekerjaan sudah ditemui, kadang-kala sesuatu yang tidak dijangka sering berlaku. Perkara sedemikian berlaku kepada sesiapa sahaja iaitu cabaran atau rintangan bila mendapat tawaran pekerjaan, bagi responden yang dikaji halangan yang dihadapi meliputi pelbagai perkara yang boleh melemahkan semangat mereka untuk meneruskan pekerjaan yang ditawarkan kepada mereka. Cabaran-cabaran begini seringkali menghampakan mereka (responden) untuk meneruskan pekerjaan walaupun peluang pekerjaan telah ditawarkan kepada mereka. Ada kalanya halangan yang dihadapi boleh dikatakan perkara yang boleh diselesaikan dengan kerjasama pelbagai pihak dan masyarakat setempat juga berperanan membantu untuk meringankan beban dan masalah yang dihadapi golongan OKU penglihatan.

Masalah seperti pengangkutan, mempunyai tanggungan, persaingan, kemudahan tempat tinggal, dan gaji menjadi tema yang utama dibincangkan dalam kajian ini.

Dilema pengangkutan

Dalam kajian ini didapati responden menghadapi dilema dari segi pengangkutan. Responden merasakan kerumitan untuk mendapatkan kemudahan pengangkutan ke tempat kerja. Jarak yang jauh dan masa yang tidak tetap menyulitkan keadaan disamping keadaan persekitaran juga mempengaruhi responden untuk mendapatkan kemudahan pengangkutan. Dalam hal ini kemudahan pengangkutan memang disediakan semasa mereka berkursus, namun setelah tamat kursus tiada kemudahan tersebut lagi. Sebenarnya responden bersemangat untuk bekerja, hanya perlukan sedikit panduan agar responden biasa dengan persekitaran tempat kerja mereka. Dalam keadaan ini responden terpaksa menerima hakikat dan menguatkan azam. Seperti yang dikatakan oleh seorang responden:

... tapi masalah pengangkutan mungkin menjadi masalah utama kerana di kawasan ini jika hujan, jalan di sini tidak boleh jalan langsung, jalan jadi becak (berlumpur), itu bas pun mau berhenti di luar saja..., kami terpaksa berjalan kaki, itu masa kereta awam pun sampai jam 3 petang saja, lepas tu ndak ada lagi (terhad).(Temu bual dengan R1)

Tambang pengangkutan yang tinggi juga memberi kesan kepada responden yang ingin menggunakan kemudahan awam ke tempat kerja. Tambang yang tinggi ini dirasakan berat kepada responden memadamkan gaji atau upah yang diperolehi kadang-kala tidak mencukupi untuk menyara keluarga mereka sendiri. Ini bermakna responden perlu mengeluarkan belanja yang lebih untuk pengangkutan mereka ketempat kerja, ini adalah keluhan yang diluahkan oleh salah seorang responden :

Kalau hendak menyewa mahal pula RM50 sebulan. Kasihan lagi pun kerja mengurus ini harap komisyen saja, bukan gaji bulan. Kadang-kadang ada, kadang tiada orang mahu urut... itu masalahnya. Kadang tidak terbayar transport...(tambang pengangkutan).(Temu bual dengan R2)

Selain masalah tambang pengangkutan yang tinggi, responden yang menggunakan kemudahan pengangkutan awam untuk pergi kerja juga mengalami masalah kes kelewatan untuk sampai ke tempat

kerja. Kelewatan yang tidak disengajakan mungkin boleh diterima di pihak majikan, namun sekiranya kerap juga lewat ke tempat kerja boleh memberikan kesan yang tidak baik kepada organisasi dan kepercayaan majikan terhadap responden juga akan kurang. Keadaan ini amat merisaukan responden kerana bagi responden majikan memberikan kepercayaan kepada mereka dan harus menunjukkan komitmen yang tinggi dan membalas kepercayaan majikan. Kekerapan berlaku kelewatan mungkin mengakibatkan responden diberhentikan kerja. Seorang responden mengalami dilema kelewatan ini:

*....kadang-kadang kena marah Boss juga (majikan) bah....kalau lewat masuk kerja
...sebab bas yang kami tumpang lambat bah sampai..banyak mahu singgah-
singgah...itulah lambat sampai..nasib lah ini baru praktikal ba...kalau kerja sudah
ndak tau apa macam la. (Temu bual dengan R5)*

Dilema berkeluarga

Keluarga merupakan sistem sokongan dalam persekitaran seseorang. Keluarga adalah penyokong dalam mencari nafkah dan rezeki demi kesejahteraan hidup anak-anak agar mereka juga mendapat penjagaan dari segi pemakanan, pendidikan dan keperluan sosial yang lain. Oleh yang demikian, sebagai ketua keluarga beban jagaan adalah dipikul oleh suami yang bekerja. Sokongan isteri adalah perlu dalam hal ini responden adalah terdesak untuk mendapatkan pekerjaan yang baik dan sesuai dengan kemahiran serta keadaan tempat kerja yang memnuhi keperluan responden yang mengalami masalah penglihatan.

Kebanyakan responden yang dikaji ada menyatakan halangan mereka untuk bekerja kerana komitmen kepada keluarga. Dilema sedemikian wujud terutama kepada responden wanita yang ingin mendapatkan pekerjaan, komitmen kepada keluarga terutama kanak-kanak menjadi halangan para responden untuk bekerja. Seorang responden itu ada menyatakan naluri beliau sebagai seorang ibu yang membuatkan responden wanita merasakan lebih baik menjaga anak-anak di rumah sahaja dan biarkan suami yang bekerja mencari rezeki di luar. Walaupun dalam zaman yang serba maju pada masa ini, dapat dilihat golongan wanita cenderung untuk bekerja dan mencari rezeki namun bagi responden wanita mereka rasakan sudah cukup rasanya suami mereka sahaja yang bekerja. Tidak terkecuali dalam kajian ini terdapat juga kes responden lelaki yang menghadapi dilema sedemikian.

*....em..halangan yang lain terutama bila ada keluarga...sebenarnya bila ada keluarga
kalau mau cari kerja yang bagus dan dapat kasi makan bini dan anak saya..jadi kalau
ada tanggungan ini ada susah sikit lah...kalau saya kerja ditempat lain pun mesti bawa
bini dan anak..jadi ada yang masak untuk saya makan... (Temu bual dengan R3)*

Bila mendapat tawaran untuk bekerja, responden hanya bekerja beberapa tahun sahaja dan akhirnya berhenti, kerana tidak ada sesiapa yang boleh menjaga anak yang masih kecil. Lebih menyulitkan keadaan sekiranya kedua-dua mereka iaitu suami dan isteri adalah cacat penglihatan. Namun responden ini tidak kisah sebenarnya kalau ada yang menjaga anak kecil ini responden masih tetap berminat untuk bekerja untuk mencari nafkah dan membantu keluarga:

*Setakat ini, halangan saya itu sajalah..kerja tu sentiasa ada, tapi masalahnya
sekarang saya sudah berkeluargakan....jadi oleh kerana keadaan macam tu saya
terpaksa berhenti kerja, dulu saya sudah bekerja selama 2 tahun, tapi saya berhenti
baru-baru ini..habis tiada mahu jaga anak saya bah..tidak juga susah mahu kerja
kalau sudah kahwin..itu saja tiada yang jaga anak..(Temu bual dengan R5).*

Tawaran gaji

Apabila berkata tentang kerja sudah tentu tawaran gaji menjadi ukuran, untuk menentukan sama ada untuk bekerja di organisasi tersebut atau tidak. Namun dalam kajian ini, hasil temu bual terhadap responden yang dikaji, mendapati para responden tidak kisah sangat dengan tawaran gaji yang penting mendapat pekerjaan itu untuk mencari sesuap nasi. Dalam keadaan persaingan kerja yang sengit peluang pekerjaan yang ada harus dimanfaatkan dengan baik. Responden yang dikaji berpendapat antara perkara yang menggembirakan ialah mendapat kerja dan paling penting mendapat gaji atau upah atas titik peluh sendiri, bayaran yang diterima adalah tidak kisah asalkan mampu untuk membeli

barangan keperluan seharian itu sudah memadai. Berikut luahan beberapa orang responden mengenai tawaran gaji:

....Tawaran gaji tu saya tidak kisah, lagi pun mengurus ini hanya dapat komisyen aja.(Temu bual dengan R3)

Responden yang seorang ini nampaknya berpuas hati dengan gaji yang ditawarkan kerana ia bergantung kepada prestasi semasa kerja terutama kerja mengurus yang hanya bergantung kepada komisyen semata-mata:

*Saya endah kisah (tidak kisah) yang penting dapat kerja.
(Temu bual dengan R2)*

Kesulitan Kemudahan tempat tinggal

Di samping tawaran gaji kemudahan tempat tinggal juga menjadi keutamaan kepada responden, kesulitan sentiasa timbul apabila tiada kemudahan tempat tinggal yang asas yang disediakan majikan. Situasi ini seperti ini terjadi sekiranya tempat kerja adalah jauh dari rumah responden. Para responden begitu mengharap yang mereka akan mendapat kemudahan tempat tinggal sekiranya ditawarkan bekerja kelak. Kerana jika ada kemudahan tersebut fikiran dan perhatian mereka hanya tertumpu kepada kerja tanpa memikirkan keadaan anak-anak kerana tempat tinggal berdekatan tempat kerja. Seorang responden misalnya, menceritakan bagaimana kebaikan jika tempat tinggal disediakan:

em..pasal kemudahan kalau ada tempat tinggal dekat.. jadi boleh balik tengok anak sekejap..jadi hati saya senang... saya pun mau kerja bagus-bagus la macam.tu(Temu bual dengan R5).

Bagi seorang responden pula, dia rasakan yang penting tempat tinggal disediakan perkara lain dapat diatasi sendiri:

*Yang paling penting bagi kami di sini kalau boleh ada tempat tinggal la...disediakan, makan minum tu tiada masalah bagi kami..
(Temu bual dengan R1)*

Seorang responden lagi menyatakan yang paling utama ialah tempat tinggal tu ada elektrik dan air. Bagi dia itu adalah kemudahan yang perlu juga:

Saya rasa la... paling utama macam (karan) elektrik, air tempat tinggal, kalau semua tu ada o.k sudah tu..(Temu bual dengan R2)

Cabaran sikap prejudis

Dalam sesetengah kes terdapat juga responden yang menghadapi cabaran sampingan yang lain seperti kurangnya keyakinan diri untuk berhadapan dengan masyarakat, tahap keyakinan responden rendah dan bimbang tidak mendapat kerja selepas kursus dan perasaan seperti itu nampaknya melemahkan diri responden untuk menghadapi dunia pekerjaan. Sikap masyarakat yang tidak yakin dengan keupayaan responden untuk bekerja menyukarkan lagi peluang pekerjaan kepada diri mereka, responden sedar akan keadaan ini dan perasaan rendah diri itu wujud. Responden berpendapat kekurangan yang ada pada diri mereka, mungkin membataskan peluang pekerjaan untuk diri sendiri.

Saya rasa kurang peluang pekerjaan untuk saya.... sebab ada lagi yang o.k.. dari saya, nanti pun mau juga tu bersaing dengan dunia luar, tapi saya susah hati ni...terpaksa berhadapan dengan masyarakat sebab semasa saya baru keluar saya berasa gugup untuk menghadapi masyarakat luar.(Temu bual dengan R4)

Ada juga kes responden yang risau majikan mungkin sukar menerima mereka untuk bekerja dalam organisasi atau jabatan memandangkan kekurangan fizikal yang ada pada diri mereka, responden menganggap masih ada lagi calon-calon yang sesuai untuk bekerja jika dibandingkan

dengan diri mereka yang perlu keutamaan dari segi persekitaran tempat kerja. Dalam keadaan ini responden nampaknya masih kurang yakin dengan diri mereka :

Halangan utama macam kami ni..ialah tidak nampak.. pihak-pihak kerajaan dan swasta sukar untuk menerima kami sebab banyak lagi yang nampak daripada kami dan sekurang- kurangnya mereka pilih yang nampak, mereka tidak bermasalah kecuali orang- orang tertentu, contohnya seperti mengurut, menganyam bakul ini bersesuaian dengan kami. Kalau macam kerja selain daripada itu sukar untuk majikan terima. Kalau kami rasa berpuas hati dengan kerja contohnya mengemas dan mencuci tapi bagi majikan yang menggaji.. (Temu bual dengan R5)

Masyarakat hari ini dilihat masih tidak menaruh keyakinan kepada OKU penglihatan untuk bekerja di sektor awam mahupun swasta, keadaan ini secara langsung juga mempengaruhi majikan yang ingin mengambil OKU untuk bekerja dengan mereka. Oleh kerana menerima maklumbalas negatif daripada masyarakat sekeliling, ini juga mempengaruhi majikan memberi peluang kerja kepada OKU.

Transkrip di atas telah dianalisis dan kemudian kategori cabaran yang diperolehi oleh responden dikenalpasti dan dipaparkan dalam Jadual 1 di bawah;

Jadual 1: Cabaran atau Rintangan

	Sub komponen	Responden
Cabaran	Pengangkutan	R1, R2, R5
	Berkeluarga	R3, R5
	Tawaran Gaji	R3, R2,
	Tempat Tinggal	R5, R1, R2
	Sikap Prejudis	R4, R5

Dapatan menunjukkan bahawa cabaran paling banyak yang dihadapi oleh responden OKU penglihatan adalah dari segi pengangkutan ke tempat kerja dan kemudahan tempat tinggal. Manakala Empat (4) orang responden memberikan respon tanggungjawab kepada keluarga dan sikap prejudis terhadap keupayaan mereka menjadi cabaran dalam pekerjaan mereka

PERBINCANGAN

Dari segi halangan dalam mendapatkan pekerjaan, perbincangan adalah menjurus kepada faktor yang boleh menghalang responden atau mempengaruhi responden dalam mendapatkan peluang pekerjaan. Meskipun halangan yang dihadapi boleh diatasi namun terdapat kes yang responden tidak berminat lagi bekerja kerana halangan dihadapi. Cabaran seperti masalah pengangkutan dan kemudahan tempat tinggal memang menjadi masalah kepada semua orang yang berkerja, lebih-lebih lagi sekiranya tempat kerja itu jauh dari tempat tinggal. Oleh itu pengangkutan awam adalah alternatif yang selalu digunakan untuk menangani masalah ini.

Berhubung dengan kesukaran pengangkutan ini, kebanyakan responden mengakui sekiranya ada kemudahan pengangkutan yang khas untuk mengambil mereka pergi dan balik dari kerja akan memudahkan mereka. Namun responden juga lebih suka mereka berdikari sendiri dan menghadapi cabaran untuk pergi ke tempat kerja. Mereka mungkin melalui saat kesusahan ini pada permulaannya namun ini akan berubah juga bila sudah menjadi kebiasaan dan boleh mengadaptasi pada keadaan persekitaran. Mereka mungkin mempunyai keperluan untuk mendapatkan kemudahan pengangkutan memandangkan mereka memang tidak mampu memandu kenderaan, kecuali mereka mempunyai keluarga sendiri yang boleh menghantar dan mengambil responden balik dari kerja.

Namun jika dilihat pada fenomena masa kini, kemudahan pengangkutan memang disediakan oleh pihak majikan untuk mengangkut pekerja mereka. Kemudahan ini bukan sahaja menarik minat orang bekerja di syarikat mereka, ini merupakan tanggungjawab sosial pihak majikan kepada pekerja-pekerjanya. Malangnya kemudahan pengangkutan bas untuk pekerja ini hanya boleh didapati pada syarikat-syarikat besar, dan di tempat kajian ini dijalankan pekerja biasanya menggunakan bas awam untuk pergi ke tempat kerja kerana tiada kemudahan pengangkutan untuk pekerja mereka. Oleh itu perlu satu usaha untuk mengadakan perkhidmatan pengangkutan untuk golongan OKU yang bekerja, dimana bas yang mengangkut mereka ini akan mengambil pekerja OKU sahaja yang bekerja di kawasan yang sama. Bas ini akan bertanggungjawab membawa dan menghantar pekerja OKU hingga ke pintu rumah mereka.

Kajian ini mendapati tanggungjawab kepada keluarga menjadi halangan kepada beberapa orang responden untuk bekerja, bagi responden yang telah berkeluarga terutama wanita bekerja diluar, mereka lebih mengutamakan keluarga mereka, justeru terpaksa berhenti bekerja untuk memasak dan menjaga anak mereka yang masih kecil, dalam situasi ini mereka juga berusaha mendapatkan pertolongan daripada saudara atau jiran-jiran untuk menjaga anak mereka. Bagaimanapun mereka juga perlu memberikan sedikit upah kepada penjaga ini, dan gaji yang mereka terima juga tidak mencukupi untuk menampung keluarga mereka. Sekiranya tidak mendapat kemudahan pengangkutan, sekurang-kurangnya di tempat kerja ada pusat jagaan untuk anak-anak mereka itu sudah memadai kepada responden, jadi tidak perlu mereka berhenti bekerja semata-mata kerana perlu menjaga anak mereka. Responden mungkin tidak sampai hati untuk meninggalkan keluarga mereka, kerana keluarga selalu memberikan dorongan, dengan meninggalkan keluarga, maka perasaan kecewa dan sedih mungkin dialami ketika kerja, ini sudah tentu menjejaskan prestasi kerja mereka. Jelas dalam kajian ini mempunyai anak atau tanggungan boleh mempengaruhi responden mendapatkan pekerjaan. Terdapat juga responden lelaki dalam kajian ini yang mengakui bahawa terdapat sedikit kesukaran yang dihadapi setelah berkeluarga, kerana rasa tanggungjawab dan perlu menanggung keluarga, mereka lebih suka bekerja sementara masih belum berkahwin kerana tidak perlu risau tentang tanggungan.

Dari segi tawaran gaji pula, pengkaji dapati bahawa responden tidak mengambil kisah mengenai tawaran gaji yang diberikan kepada mereka. Ini tidak sama sekali mempengaruhi mereka dalam pemilihan pekerjaan, yang penting mempunyai pekerjaan itu sudah mencukupi. Dalam kajian ini responden mengutamakan mencari nafkah untuk menampung keperluan kehidupan yang semakin mencabar. Peluang pekerjaan yang ada begitu bermakna buat responden. Mereka juga perlu bersaing dengan pencabar lain untuk mendapatkan kerja. Sehubungan itu pihak-pihak tertentu tidak perlu teragak-agak untuk mengambil OKU untuk bekerja dengan agensi dan syarikat mereka. Walaupun OKU tidak kisah dengan gaji, namun pihak majikan perlu juga memberikan satu tawaran gaji yang berpatutan kepada pekerja (OKU) mereka, kerana ini akan meningkatkan peluang OKU untuk bekerja dengan gaji yang berpatutan. Walaupun mereka ada masalah penglihatan tidak bermakna responden tidak dapat melakukan kerja dengan baik. OKU penglihatan sememangnya boleh melakukan kerja-kerja yang setaraf dengan mereka yang normal malah lebih baik dan kemas kerja mereka kerana OKU penglihatan amat teliti dalam kerja yang mereka lakukan.

Kajian ini juga mendapati terdapat kes dimana responden yang tiada tempat tinggal atau pihak majikan tidak menawarkan tempat tinggal boleh mempengaruhi mereka dalam pemilihan pekerjaan dan peluang pekerjaan ini semakin nipis buat mereka kerana kemudahan tempat tinggal adalah paling utama kepada responden, dapatan ini menyokong hasil kajian Peake (1987) dalam kajiannya, beliau telah meneliti penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan. Dan mendapati aspek perumahan sebagai satu cabaran dan masalah sosial yang dihadapi oleh wanita miskin yang bekerja. Hasil penemuan kajian ini juga berjaya mencungkil halangan yang dihadapi oleh responden dalam mendapatkan peluang pekerjaan, iaitu sikap prejudis masyarakat terhadap keupayaan golongan OKU. Responden sebenarnya sedar akan kelemahan fizikal yang mereka alami, namun semangat untuk mencari pekerjaan akhirnya hilang akibat tiadanya sokongan masyarakat, ini boleh dikategorikan juga termasuk keluarga yang tidak menyokong responden. Masyarakat masih menganggap bahawa OKU tidak boleh kerja secara sempurna seperti mereka yang normal. Sikap prejudis inilah yang memberi impak negatif yang mendalam ke atas OKU. Lantaran itu keadaan ini dilihat boleh menghalang atau

moral mereka untuk mencari kerja sudah tiada lagi. Bagi responden berkursus dengan sebaik mana pun susah juga untuk mendapat kerja jika masyarakat sendiri tidak yakin kepada mereka.

Halangan-halangan seperti ini dilihat boleh memberikan tekanan kepada responden dalam usaha mereka untuk mendapatkan pekerjaan. Potensi mengalami tekanan adalah tinggi bagi pekerja yang baru menyertai satu pekerjaan yang baru. Secara lebih khusus, pekerja baru mungkin mengalami tekanan adalah disebabkan perbezaan persepsi pekerja baru antara apa yang dijangkakan ke atas persekitaran tempat kerja dan keadaan sebenar tempat kerja itu. Lain-lain faktor yang dianggap berpotensi memberi tekanan ialah kekaburan dan ketidakpastian, bimbang terhadap identiti dan bimbang hubungan dengan pengurus dan rakan sekerja (Burke, 1988).

PENUTUP

Secara keseluruhannya, kajian ini mencadangkan agar ditempatkan satu pusat perumahan khas untuk golongan OKU tidak kira apa jenis kecacatan yang mereka hadapi. Walaupun nampak seperti cuba mengasingkan mereka daripada masyarakat luar namun usaha ini mungkin memudahkan pengangkutan dan kemudahan lain yang boleh diwujudkan di kawasan perumahan itu. Dalam hal ini mereka boleh merasakan semangat setiakawan dan boleh mengadakan banyak aktiviti antara mereka dan mengadakan hari keluarga dan hari terbuka dalam kompleks perumahan itu. Dengan cara itu responden mungkin dapat mengatasi halangan seperti tiada tempat tinggal, masalah pengangkutan dan ketiadaan penjaga anak, kerana dalam kawasan perumahan itu mungkin boleh diwujudkan pusat jagaan kanak kecil dan tadika.

PENGHARGAAN

Pertubuhan Orang Buta Sabah (SSB) yang membenarkan kajian ini dijalankan dan memberi kerjasama dalam memberi maklumat-maklumat yang diperlukan serta kakitangan di Pusat Latihan Taman Cahaya Sandakan, En Ibrahim dan En. Iskandar.

RUJUKAN

- Abdullah, M. (1987). *The role of private sector – Mas in promoting employment for the visually handicapped in Malaysia*. National seminar on employment and placement services of the visually handicapped. Kuala Lumpur: Malaysian Association for The Blind.
- Ariffin, Z. (2006). *Kerjaya untuk orang kurang upaya*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Barker, R.L. (1991). *The social work dictionary (2nd ed.)*. Washington D.C: National Association of Social Workers.
- Barraga, N.C. (1976). *Low vision is not blindness*. First Asia-Pasific seminar on low vision. Kuala Lumpur: Malaysia Associations for Blind.
- Barry, C. (1994). *Human resource management*. London: Kogan Page Limited.
- Bernard, H. R. (2000). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Thousand Oaks, California: Sage Publications, Inc.
- Burgess, R.G. (1933). *In the field: An introduction to field research*. London: Routledge.
- Burke, R.J. (1988). *Sources of managerial and professional stress in large organizations*. In Cooper, C.L., & Payne, R.(1990). *Cause Coping & And Consequences of Stressat Work*. New York: John Willey & Son.

- Crites, J.O. (1981). *Career counseling: Models, methods, and material*. New York: McGraw Hill.
- Dewan, B.P. (1996). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Donovan, J. (1992). *When you're ill, you've gotta carry it' health and illness in the lives of black people*. In Eyles, John dan Smith, David M. (Editor), *Qualitative Methods in Human Geography*. Cambridge: Polity Press.180 – 196.
- Drucker, P. (1942) *The future of industrial man*. New York: John Day Co.
- Handel, M.J. (2005). *Worker skills and job requirements: Is there a mismatch*. Economic Policy Institute: Washington, D.C.
- Holland, J.L. (1966). *The psychology of vocational choice*. Washington D.C: Balaisdell Publishing Co.
- Ishak, A. (1990). *Maklumat pekerjaan dan masalah penempatan pekerjaan di kalangan pelajar cacat penglihatan di peringkat menengah atas*. Tesis sarjana pendidikan (tidak diterbitkan). Universiti Malaya.
- Jackson, P. (2001). *Making sense of qualitative data*. InLimb, Melanie dan Dwyer, Claire (Editor), *Qualitative Methodologies for Geographers: Issues and Debates*. London: Arnold. Pg. 199 – 214.
- Jones, C. (1991). *Qualitative interviewing*. In G. Allan & C. Skinner (Eds.), *Handbook for research students in the social sciences*. London: Falmer Press.
- Konkola, K. (1996). *Development and disability: A view point from organization of disabled person*. Actionaid disability news. 7(1):9-12.
- Lebar, O. (2006). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjong Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Lee, F.K. (1976). *The extent of occupational information possessed by fifth formers in some urban schools*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Marican, S. (1997). *Dasar awam: konsep dan isu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Meriam, S.B., (2001). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass Pub.
- Morales, A., & Sheafor, B. (1998). *Social work: A profession of many faces. 8th ed*. Boston: Allyn and Bacon.
- Neuman, W. L . (3rd ed, 1997). *Social research methods qualitative and quantitative approaches*. Allyn & Bacon, USA.
- Omar, H. (1991). *Kertas kerja proses integrasi orang cacat Malaysia ke dunia berdikari*. Kuala Lumpur: Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan.
- Patton, M. (1990). *Qualitative evaluation methods*. Beverly Hills: Sage.
- Roe, A. (1965). *The psychology of occupation*. New York: John Willey & Sons.